

1 Jadual 1 menerangkan tamadun Mesir Purba.

Tahun	1922
Peristiwa	Purba Howard Carter menemui mayat Tutankhamun II yang diselaputi emas

Jadual 1

Berdasarkan jadual tersebut, apakah kesimpulan yang dapat dibuat tentang masyarakat Mesir Purba ?


- A Menjalankan upacara pemujaan semangat
 - B Mempercayai kehidupan selepas mati
 - C Mempercayai konsep kelahiran semula
 - D Mengamalkan penyembahan nenek moyang
- 2 Apakah kepentingan tamadun berikut terhadap tamadun Indus?

- Tamadun Mesopotamia
- Tamadun Mesir Purba

- A Memajukan perancangan bandar
- B Memperkembangkan sektor pertanian
- C Meningkatkan teknologi pengangkutan
- D Memodenkan bidang perubatan

[Lihat halaman sebelah

- 3 Rajah 1 menunjukkan perubahan pentadbiran dalam tamadun Rom.



Rajah 1

Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut?

- A Penaklukan kuasa asing
 - B Kemunculan golongan pertengahan
 - C Pemberontakan golongan patrician
 - D Kemasukan kepercayaan luar
- 4 Mengapakah bidang berikut diberi penekanan dalam pendidikan di Athens ?

- Sukan
- Kesusasteraan
- Seni Berpidato

- A Memupuk sikap keberanian
- B Melatih pemimpin berwibawa
- C Melahirkan individu seimbang
- D Mengukuhkan semangat patriotisme

5 Maklumat berikut berkaitan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- Tiumah
- Srivijaya
- Kedah Tua

Apakah faktor perkembangan kerajaan tersebut?

- A Kesuburan tanah
- B Kedudukan geografi
- C Kesetiaan penduduk
- D Kekuatan tentera

6 Unsur mitos merupakan elemen penting dalam kerajaan awal di Asia Tenggara. Apakah kepentingan unsur tersebut?

- A Memperkukuh kedudukan pemerintah
- B Mendaulatkan sistem perundangan
- C Mengiktiraf golongan pendeta
- D Mengekalkan warisan tradisi

7 Wahyu berikut telah diturunkan Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w di Gua Hirak pada 6 Ogos, 610 Masihi.

Surah Al-Alaq ayat 1 – 5

Apakah kesan daripada penurunan wahyu tersebut?

- A Peristiwa Hijrah berlaku
- B Zaman Jahiliah berakhir
- C Pembukaan Kota Makkah berjaya
- D Perjanjian Hudaibiyah ditandatangani

[Lihat halaman sebelah

- 8 Pernyataan berikut menerangkan cara dakwah Islamiah disebarkan di Makkah.

Nabi Muhammad s.a.w menyebarkan ajaran Islam secara rahsia selama tiga tahun.

Mengapakah baginda berbuat demikian?


- A Ancaman kuasa asing
 - B Bilangan penganut kecil
 - C Arahan pemimpin tempatan
 - D Kekurangan sumber kewangan
- 9 Pernyataan berikut menerangkan peristiwa hijrah Nabi Muhammad s.a.w.

Abdullah bin Arqat telah memberi bantuan kepada Nabi Muhammad s.a.w semasa peristiwa hijrah dari Makkah ke Madinah

Apakah bantuan yang diberikan beliau?

- A Menjadi penunjuk jalan
- B Membekalkan makanan
- C Merisik pergerakan musuh
- D Menyediakan tempat tinggal

- 10 Rajah 2 merujuk perjanjian yang ditandatangani antara Nabi Muhammad SAW dengan masyarakat Quraisy Makkah.



Rajah 2

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut ?

- A Perkembangan aktiviti pertanian
 - B Pertambahan wilayah jajahan
 - C Pengukuhan tentera Quraisy
 - D Perluasan penyebaran Islam
- 11 Dialog berikut mungkin berlaku sejurus selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.

Umar	:	Umat Islam menghadapi dugaan besar selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.!
Ali	:	Ya! Dugaan ini mampu menjejaskan kekuatan umat Islam!

Dugaan besar dalam dialog tersebut merujuk kepada

- A Calon pengganti
- B Hubungan luar
- C Wabak penyakit
- D Sistem pendidikan

[Lihat halaman sebelah

12 Apakah sumbangan tokoh berikut kepada kerajaan Islam ?

- Usamah bin Zaid
- Khalid bin Al-Walid

- A Menghapuskan ancaman kuasa luar
- B Mengembangkan pengajaran Al-Quran
- C Melancarkan gerakan membasmi nabi palsu
- D Memeterai perjanjian dengan kerajaan Parsi

13 Tokoh berikut mengemukakan teori tentang cara kedatangan Islam ke Asia Tenggara?

- John Crawford
- Snouck Hurgronje
- Emmanuel Gadinho Eredia

Mereka berpendapat Islam datang melalui

- A pengislamkan pemerintah
- B kegiatan perdagangan
- C perkahwinan siasah
- D aktiviti penaklukan

- 14 Gambar 1 merupakan artifak yang ditemui di Kuala Berang, Terengganu.




Gambar 1

Apakah maklumat yang terkandung dalam artifak tersebut?

- I Pungutan cukai
 - II Amalan perhambaan
 - III Peraturan kekeluargaan
 - IV Hukuman terhadap penzina
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

[Lihat halaman sebelah


- 15 Peta 1 menunjukkan jajahan takluk Kesultanan Melayu Melaka.



Peta 1

Apakah faktor yang membolehkan Melaka meluaskan jajahan takluk?

- A Pengaruh agama
 - B Bantuan tentera asing
 - C Kepadatan penduduk
 - D Kemajuan pertanian
- 16 Rajah 3 menunjukkan sistem perundangan yang terdapat di Tanah Melayu sebelum kedatangan British.



Rajah 3

Apakah kepentingan undang-undang tersebut?


- A Menetapkan hak mengutip cukai
- B Menentukan pentadbiran kerajaan
- C Menyekat pengaruh kuasa asing
- D Mengawal sempadan negeri

- 17 Pernyataan berikut menerangkan perkembangan yang berlaku di Eropah pada Zaman Kemuncak Pertengahan.

Pada Zaman Peralihan , kegiatan ekonomi di Eropah mulai mengalami perubahan yang ketara.

Apakah faktor yang membawa kepada perkembangan tersebut?

- A Kekayaan bahan mentah
 - B Pertambahan penduduk
 - C Perubahan kepimpinan
 - D Keluasan jajahan takluk
- 18 Gambar 2 menunjukkan suasana penjualan surat pengampunan (indulgences) di Eropah pada abad ke -16.



Gambar 2

Mengapakah Martin Luther menentang amalan tersebut ?

- A Menjejaskan kedudukan bangsawan
- B Menyekat perkembangan ekonomi
- C Menghalang kemajuan pendidikan
- D Menggugat kesucian ajaran agama

[Lihat halaman sebelah

- 19 Apakah implikasi pengenalan sistem berikut terhadap negeri Johor?

Sistem Kangchu

- A Kemasukan imigran India bertambah
B Kegiatan pertanian komersial meningkat
C Kemudahan pengangkutan diperluaskan
D Keseragaman mata wang diselaraskan
- 20 Jadual 2 menunjukkan nilai eksport getah Tanah Melayu antara tahun 1930-1932.

Tahun	Nilai(Paun Sterling)
1930	28208000
1931	13806000
1932	9077000

Jadual 2

Mengapakah nilai eksport getah Tanah Melayu merosot dalam tempoh tersebut?

- A Kekurangan buruh mahir
B Kekurangan sumber modal
C Penumpuan kepada perlombongan
D Pergantungan kepada pasaran dunia

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pendidikan di Indonesia semasa penjajahan Belanda.

Sistem Pendidikan di Indonesia awal abad ke-19	
Bandar	Anak golongan priyayi
Kampung	Anak orang kebanyakan

Berdasarkan maklumat di atas, apakah tujuan Belanda mengasingkan sistem pendidikan tersebut?

- A Menggalakkan rakyat mencari ilmu
 - B Menyekat penghijrahan ke bandar
 - C Membuat pilihan mengikut pencapaian
 - D Memecahbelahkan perpaduan penduduk
- 22 Jadual 3 berikut menunjukkan persatuan yang ditubuhkan di Burma.


Tahun	Persatuan
1906	Persatuan Belia Buddha

Jadual 3

Apakah isu yang digunakan oleh persatuan tersebut untuk membangkitkan semangat nasionalisme?

- A Isu Agama
- B Isu Kasut
- C Isu adat resam
- D Isu Kedaulatan

- 23 Gambar 3 menunjukkan satu mesyuarat orang Melayu yang diadakan di Durian Sebatang, Perak pada tahun 1875.



Gambar 3

- Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa di atas?
- A Mengukuhkan toleransi sesama masyarakat
B Orang Melayu taat kepada pemerintah
C Setiap tindakan perlukan kata sepakat
D Mewujudkan pentadbiran yang mantap
- 24 Majalah berikut terdapat di Tanah Melayu sebelum merdeka.

- Pengasuh, 1918
- Majalah Guru, 1924
- Bulan Melayu, 1930

Mengapakah majalah di atas penting ketika itu?


- I Mengkritik penjajah
II Menghargai warisan bangsa
III Meningkatkan kemajuan bangsa
IV Menggalakkan perpaduan

- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 25 Bagaimanakah pengaruh kekuasaan seseorang raja kerajaan Melayu tradisional ditentukan?
- A Konsep ketuhanan
 - B Kegiatan ekonomi
 - C Kesetiaan rakyat
 - D Kekayaan hasil bumi
- 26 Negara bangsa Jerman dan Itali dibentuk pada abad ke-19. Apakah persamaan pembentukan kedua-dua negara bangsa tersebut ?
- A Mengekalkan sistem monarki
 - B Mengamalkan prinsip demokrasi
 - C Menggunakan kaedah realpolitik
 - D Menguatkuasakan falsafah legalisme
- 27 Persidangan Damai Paris telah menghasilkan Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson.
- Apakah perkara yang terkandung dalam deklarasi tersebut ?
- A Sistem monarki dipulihkan
 - B Amalan realpolitik diharamkan
 - C Rakyat disatukan berdasarkan agama
 - D Sempadan negara ditentukan berasaskan bangsa

- 28 Malayan Union memperkenalkan prinsip kerakyatan *jus soli*.
Mengapakah orang Melayu menentang kerakyatan tersebut ?
- A Memusnahkan status quo
 - B Menggugat kedudukan raja
 - C Pembentukan pelbagai budaya
 - D Penghapusan ekonomi tradisional
- 29 Surat Pekeliling berikut dikeluarkan kerana bantahan rakyat terhadap British di Sarawak

Surat Pekeliling Bil. 9

- Apakah kesan pengeluaran surat pekeliling di atas?
- A Kebajikan rakyat diberi keutamaan
 - B Pengembalian kuasa pembesar tempatan
 - C Kakitangan awam meletak jawatan
 - D Peningkatan taraf hidup
- 30 Rajah di bawah berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Ahli



Rajah 3

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan Sistem Ahli?

- I Kabinet Bayangan
 - II Anggotanya dipanggil ahli
 - III Ahli dilantik oleh Ratu Britain
 - IV Terdiri daripada penduduk tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 31 Jadual di bawah menunjukkan keputusan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Parti	Bilangan Kerusi Yang Dimenangi
Perikatan	51
PAS	1

Jadual 4

Apakah manifesto Parti Perikatan sehingga membawa kepada kemenangan tersebut?

- A Peningkatan taraf kesihatan penduduk
 - B Pengekalan sistem pentadbiran barat
 - C Perjuangan kemerdekaan tanah air
 - D Peluang pekerjaan kepada rakyat
- 32 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani oleh Raja-Raja Melayu dan British pada 15 Ogos 1957.

Apakah kesan perjanjian tersebut?

- A Pemisahan kuasa negeri dengan pusat
 - B Pembentukan kerajaan bercorak republik
 - C Pesuruhjaya negeri dikekalkan
 - D Pengaruh golongan kri dihapuskan
- 33 Pernyataan berikut berkaitan dengan pembentukan Malaysia

Tokoh	Tuanku Abdul Rahman
Tarikh	27 Mei 1961
Idea	Penggabungan Tanah Melayu, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei

Mengapakah tokoh di atas mengemukakan idea penggabungan tersebut?

- I Menyediakan kemudahan sosial
- II Mengukuhkan institusi kesultanan
- III Mengembangkan ekonomi
- IV Menamatkan penjajahan British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 34 Hubungan tegang antara Malaysia dan Indonesia telah tamat apabila peristiwa di bawah dihentikan oleh Indonesia.

Ganyang Malaysia – 20 Januari 1963


Apakah yang menamatkan peristiwa tersebut

- A Kekalahan Indonesia
 - B Kejatuhan Soekarno
 - C Campurtangan Amerika Syarikat
 - D Aahan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- 35 Apakah syarat pindaan perlembagaan yang berkaitan dengan kedudukan istimewa orang Melayu?
- A Persetujuan lebih suara Dewan Parlimen
 - B Persetujuan lebih suara 2/3 Dewan Parlimen
 - C Persetujuan majoriti lebih 2/3 Dewan Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-Raja
 - D Persetujuan majoriti lebih 2/3 Dewan Parlimen dan kelulusan Yang Dipertua Negeri Sabah dan Sarawak
- 36 Encik Abu telah diisytiharkan muflis oleh mahkamah.

Mengikut sistem pilihan raya di Malaysia beliau tidak layak untuk

- A Menjadi calon pilihan raya
- B Menyertai parti politik
- C Mendaftar sebagai pengundi
- D Menjalankan kempen pilihan raya

- 37 Rajah di bawah menunjukkan agensi yang memainkan peranan yang penting



Apakah peranan mereka?

- A Membuka petempatan baru
 B Menggalakkan pelaburan saham
 C Memajukan kawasan luar bandar
 D Menubuhkan zon perdagangan bebas
- 38 Apakah persamaan antara agensi berikut?

- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
- Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)

- A Merupakan badan berkanun
 B Mempunyai kementerian sendiri
 C Tidak mempunyai kuasa autonomi
 D Tidak mempunyai peruntukan kewangan
- 39 Rajah di bawah menyatakan sumbangan Malaysia dalam Komanwel

Tempat	Sukan	Tahun
Kuala Lumpur	Komanwel	1998

Rajah 4

Apakah tujuan Malaysia menganjurkan temasya sukan di atas?

- A Mengukuhkan semangat perpaduan
 B Melambangkan kekuatan negara peserta
 C Memupuk kerjasama antara negara anggota
 D Menunjukkan kecekapan mengendalikan sukan dunia

40 Rajah di bawah menunjukkan dua buah pertubuhan serantau yang disertai Malaysia.

- Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASA) – 1961
- Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) – 1967

Rajah 4

Kedua-dua pertubuhan di atas mempunyai matlamat yang sama, iaitu

- A menyelaraskan sistem pentadbiran negara anggota
- B menjalinkan kerjasama pelbagai bidang
- C mewujudkan kebudayaan serantau
- D mengadakan pakatan ketenteraan

Kertas soalan tamat